

Penyampai : DATO SERI DR. SITI HASMAH BT HAJI MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN KEMPEN RAYUAN HARI PAHLAWAN 2002
Lokasi : MELALUI RADIO DAN TV MALAYSIA
Tarikh : 31-07-2002

Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bersyukur kita kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izinNya kita dapat bersama kembali sempena dengan pelancaran Kempen Rayuan Hari Pahlawan 2002. Buat pertama kali Kempen Rayuan Hari Pahlawan pada tahun ini akan dianjurkan bersama oleh Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) dan Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (JHEV). Selaku penaung kepada Kempen Rayuan Hari Pahlawan, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pertahanan kerana telah mengambil inisiatif yang proaktif dengan menggerakkan Jabatan Hal Ehwal Veteran selaku urus setia Kempen Rayuan Hari Pahlawan 2002.

2. Dengan adanya sokongan padu daripada Jabatan Hal Ehwal Veteran serta sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh Persatuan Bekas Tentera Malaysia, saya percaya Kempen Rayuan Hari Pahlawan 2002 akan lebih berkesan dan mencapai kejayaan yang lebih besar. Selain itu, saya juga berharap lain-lain agensi Kerajaan dan swasta supaya dapat sama-sama memberikan sokongan dan kerjasama sepanjang kita mengadakan Kempen Rayuan Hari Pahlawan, iaitu bermula pada 1 Ogos hingga 31 Ogos 2002.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

3. Sungguhpun Kerajaan telah mengadakan pelbagai program dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat terutama di kalangan bekas-bekas tentera dan keluarga mereka, namun, usaha-usaha ini masih belum lagi memenuhi matlamat secara total. Usaha yang berterusan hendaklah terus dilaksanakan bagi membantu rakyat yang benar-benar memerlukan bantuan. Dengan sebab itu setiap tahun kita mengadakan Kempen Rayuan Hari Pahlawan bagi mengumpul dana sumbangan daripada orang ramai dan syarikat-syarikat swasta di seluruh negara. Dana yang dikumpulkan akan diagihkan kepada bekas-bekas tentera dan keluarga mereka untuk tujuan kebajikan. Antara program kebajikan yang dikendalikan melalui Tabung Rayuan Hari Pahlawan ini ialah seperti berikut:

i. Bantuan Sara Hidup - skim ini memberi bantuan kewangan bulanan bagi meringankan beban tanggungan sara hidup bekas tentera dan keluarga mereka yang daif, uzur, miskin atau hilang upaya.

ii. Bantuan Balu dan Anak Yatim - skim ini bertujuan memberi bantuan kewangan bulanan untuk balu-balu dan anak yatim bekas tentera yang daif dan kurang mampu menyara diri atau keluarga mereka serta mempunyai tanggungan yang ramai.

iii. Bantuan Kesihatan dan Perubatan - skim ini bertujuan memberi bantuan kewangan sekali gus kepada bekas-bekas tentera, isteri dan anak mereka yang perlu menjalani rawatan perubatan, memberi peralatan pesakit dan ubatan kerana tidak dapat dibekalkan oleh pihak hospital, atau bagi mereka yang tidak layak membuat tuntutan di bawah faedah persaraan (berpencen).

iv. Bantuan Pendidikan - skim ini bertujuan membiayai anak-anak bekas tentera yang kurang mampu untuk meneruskan pelajaran mereka di peringkat rendah, menengah dan IPT dalam jurusan diploma dan ijazah.

v. Bantuan Kecemasan dan Bencana Alam - skim ini bertujuan memberi bantuan sekali gus kepada bekas tentera atau tanggungan mereka untuk meringankan kesusahan dan masalah kecemasan yang dialami seperti ditimpa bencana alam/banjir, kemalangan, kematian ahli keluarga atau kerosakan harta benda.

4. Sebagai sebuah badan atau pertubuhan yang menjaga kepentingan ahli-ahli dan keluarga bekas tentera, PBTM sentiasa berusaha mencari sumber kewangan bagi menjaga kebajikan bekas tentera.

Sebagai contoh, pada tahun 2001 sahaja PBTM telah membelanjakan sejumlah Ringgit Malaysia: Satu Juta, Empat Ratus Dua Ribu, Tiga Ratus Tujuh Puluh Dua Dan Lima Puluh Sen (RM1,402,372.50) yang telah disalurkan bagi bantuan kebajikan. Antaranya: (i) Bantuan Balu berjumlah: Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Dua Puluh Lima Ribu, Tiga Ratus Empat Belas (RM325,314.00); (ii) Bantuan Tiada Daya Upaya: Ringgit Malaysia : Dua Ratus Lapan Puluh Enam Ribu, Empat Ratus Lima Puluh Dua (RM286,452.00); (iii) Bantuan Anak Yatim: Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Satu Ribu, Dua Ratus Dua Puluh (RM31,220.00); (iv) Bantuan Kebajikan Am: Ringgit Malaysia : Satu Ratus Sembilan Puluh Tiga Ribu, Sembilan Ratus Tujuh Puluh Lima (RM193,975.00); (v) Bantuan Menunaikan Haji: Ringgit Malaysia : Sebelas Ribu, Lima Ratus (RM11,500.00); (vi) Bantuan Pendidikan: Ringgit Malaysia : Dua Ratus Empat Ribu, Satu Ratus Empat Belas (RM204,114.00); (vii) Bantuan kepada Bekas Tentera British (BCEL): Ringgit Malaysia : Lima Puluh Empat Ribu, Dua Ratus Dua Puluh Satu Dan Lima Puluh Sen (RM54,221.50); dan (viii) Bantuan-Bantuan Lain: Ringgit Malaysia : Dua Ratus Lapan Puluh Lapan Ribu, Dua Ratus Tujuh Puluh Enam (RM288,276.00).

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

5. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap jasa-jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh bekas-bekas anggota tentera dalam memelihara keselamatan negara. Dengan sebab itu, kerajaan telah menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM sebagai satu usaha untuk mengiktiraf sumbangan dan pengorbanan mereka serta membantu mereka dalam meneruskan kehidupan.

6. Sungguhpun begitu, adalah wajar bagi semua pihak terutama pihak swasta, dapat bersama-sama membantu kerajaan meneruskan usaha untuk menjaga kebajikan serta meningkatkan taraf sosio-ekonomi bekas tentera dan keluarga mereka. Sebagai warganegara Malaysia yang tahu membalas budi marilah kita bersama-sama berganding bahu membantu mereka yang telah berkorban nyawa demi untuk keamanan negara dan kesejahteraan rakyat. Sesungguhnya kita berhutang budi kepada mereka yang telah berjasa. Mereka telah membuktikan pengorbanan yang terlalu besar bukan sahaja keringat hatta darah dan nyawa telah dipertaruhkan demi perjuangan suci mempertahankan kedaulatan negara.

7. Sempena dengan Kempen Rayuan Hari Pahlawan tahun 2002, saya menyeru sokongan dan kerjasama orang ramai, agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta supaya tampil ke hadapan menghulurkan bantuan kepada Tabung Rayuan Hari Pahlawan 2002. Di atas keprihatinan tuan-tuan dan puan-puan saya mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga. Saya berdoa semoga kehidupan tuan-tuan semua sentiasa dirahmati Allah S.W.T. dan dilimpahi rezeki di muka bumi ini dan akan mendapat ganjaran kebaikan di akhirat kelak. Insya-Allah.

Sekian, Wabillahaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.